

# PERBARISAN PEGAWAI WARAN PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3360-perbarisan-pegawai-waran-pangkalan-udara-butterworth](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3360-perbarisan-pegawai-waran-pangkalan-udara-butterworth)

BUTTERWORTH, 18 Apr 18 - Perbarisan Pegawai Waran Pangkalan Udara Butterworth telah dilaksanakan bertempat di perkarangan ASF Hangar Pangkalan. Seramai 334 anggota lain-lain pangkat dari semua skuadron dan cawang di dalam Pangkalan Udara Butterworth telah terlibat dalam perbarisan tersebut yang diketuai oleh PW U I Mohd Razimie bin Abdul Rani dari No 3 Skuadron. Dalam perbarisan ini PW U I Mohd Sazali bin Suhod, Pegawai Waran Pangkalan Udara Butterworth telah menekankan dan menegaskan dalam ucapannya berkenaan disiplin dan tatatertib semua lapisan anggota LLP Pangkalan Udara Butterworth. Beliau berkehendakkan agar semua lapisan anggota LLP untuk mematuhi segala arahan dan peraturan yang telah dikeluarkan. Beliau menginginkan agar semua lapisan peringkat anggota LLP mempunyai tatatertib dan disiplin yang tinggi bagi memartabatkan organisasi LLP yang boleh dibanggakan oleh TUDM.

